

18/10/2003

Jawapan PM gamatkan sidang media

PUTRAJAYA: Jawapan bersahaja dan kelakar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap beberapa soalan, menceriakan suasana sidang media pada akhir Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam ke-10 dengan gelak ketawa anggota media dan tetamu.

Walaupun sedang serius memberikan penjelasan berhubung ucapan perasmiannya yang didakwa sebagai kontroversi, Perdana Menteri sempat menceriakan sidang media di Pusat Konvensyen Putrajaya malam tadi dengan jawapan yang mencuit perasaan.

Soalan wakil Associated Press, salah sebuah agensi berita yang memberikan tumpuan kepada isi ucapan Perdana Menteri yang didakwa berbau anti-Yahudi, agak mengejutkan.

Wartawan berkenaan tidak mengemukakan soalan berat tetapi sekadar bertanyakan Perdana Menteri mengenai perasaannya apabila Taiwan kini merampas gelaran sebagai negara yang mempunyai bangunan tertinggi di dunia dari Malaysia.

"Mereka mempunyai hanya sebuah bangunan tinggi, yang lebih tinggi daripada kami. Tetapi kami mempunyai dua (Menara Kembar Petronas)," katanya disambut tepukan.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada beliau akan terus membuat kenyataan keras yang mengisi muka depan akhbar selepas bersara akhir bulan ini.

"Sebelum ini saya dah cakap selepas saya bersara sebagai Perdana Menteri, saya akan lebih berbisa," katanya.